

**PERUTUSAN**  
**Y.BHG. DATO' IR HJ ISMAIL BIN MD SALLEH**  
**KETUA PENGARAH, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**  
**PADA**  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN LLM**  
**BAGI BULAN FEBRUARI**

**24 FEBRUARI 2012 (JUMAAT)**  
**DEWAN SERBAGUNA LLM**

Terima kasih saudari pengacara majlis

Bismillahirrahmanirahim

Y.Berusaha En Mohd Salleh Bin Santhiman  
Timb. Ketua Pengarah (Pembangunan)

Y. Berusaha Tn. Hj. Rahim Bin Goon  
Timb. Ketua Pengarah (Bisnes)

Y. Berusaha En Mohd Shuhaimi Bin Hassan  
Pengarah Kanan Projek (JPP 2)

Y. Berusaha Pn. Zuraida Binti Shahrudin  
Pengarah Kanan Pengurusan

Pengarah-pengarah Bahagian LLM

Pegawai-pegawai serta kakitangan LLM sekalian

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul bersama-sama dalam Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan Februari pada pagi ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

1. Begitu pantas masa berlalu, tanpa kita sedari kita telah pun beranjak ke penghujung bulan Februari dan beberapa hari sahaja lagi kita akan memasuki bulan Mac. Tahun 2012 ini merupakan tahun yang sangat mencabar. Dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, kita perlu terus melangkah untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada semua pihak khususnya pengguna-pengguna lebuhraya. Saya percaya kita masih mempunyai kekuatan dalaman untuk kita terus bergerak merealisasikan segala Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah kita sasarkan dan memenuhi segala obligasi kita kepada Kerajaan, syarikat konsesi dan pengguna-pengguna lebuhraya.

2. Sepertimana yang kita sedia maklum, pada pembentangan Bajet 2012, YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa dasar induk negara kita ialah Dasar Transformasi Negara (DTN). Dasar Transformasi Negara ini, akan menjangkau tempoh bagi tahun 2011 sehingga tahun 2020 dan jika Dasar Transformasi Negara ataupun DTN ini dilaksanakan dengan berkesan, maka yang dihasratkan oleh Kerajaan untuk mencapai status Negara maju berpendapatan tinggi akan menjadi realiti. Sebagai sebuah agensi pelaksana, kita perlu menyokong dan memastikan kesemua elemen di bawah DTN ini tercapai iaitu "*Government Transformation Programme*" (GTP), Tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan "*Economic Transformation Programme*" (ETP).

Tuan-tuan dan Puan-puan,

3. Untuk menjadi sebuah organisasi yang terbaik dan pakar rujuk dalam pengurusan dan kawalseliaan lebuh raya, kita perlu berusaha dengan lebih gigih dan mempelajari sesuatu yang baru. Kita tidak perlu mengekalkan sesuatu, semata-mata kerana itu merupakan amalan kita sedia ada. Kita mesti mencari idea baru, “*we need new ideas*”, “*we need creative ideas*”, “*we need innovative proposes*”. Inilah sikap atau pun *mindset* yang perlu dimiliki oleh setiap warga LLM. Kita tidak boleh bersikap *defensive* kerana sesuatu yang kita amalkan dengan baik, kita fikirkan baik tetapi sebenarnya ada pendekatan dan mekanisma baru yang boleh kita guna pakai dengan lebih berkesan lagi. Oleh itu, sebagai sebuah agensi pelaksana, kita perlu sentiasa mencari idea baru dan pendekatan yang lebih kreatif seperti mengaplikasikan strategi *Blue Ocean*. Kita perlu mencari jalan untuk mencapai *outcome* yang lebih berkesan dengan menggunakan peruntukkan yang minima dan dengan bilangan kakitangan yang sedia ada.

4. Pada tahun 2012 juga, saya mensasarkan agar LLM melaksanakan beberapa transformasi khususnya dari segi pengurusan dalaman dan peranan LLM di dalam pengawalseliaan lebuh raya. Ini bertujuan supaya LLM dapat bergerak seiring dengan perkembangan teknologi serta lebih ke hadapan dari syarikat-syarikat konsesi yang dikawalselia. Saya amat berharap bahawa semua transformasi yang akan dilakukan dapat disambut baik oleh semua pegawai dan kakitangan LLM. Saya juga berharap kita semua dapat memberikan tumpuan dan komitmen yang tidak berbelah bagi menjayakan pelan transformasi tersebut.

5. Saya juga dimaklumkan pada bulan Mac yang akan datang Kementerian Kerja Raya akan menganjurkan Retreat: Pelan Strategik KKR 2011-2012 (Bengkel Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik KKR 2011-2012 dan Hala Tuju 2013-2015). Saya berharap melalui retreat ini, LLM berjaya mencapai segala perancangan dan sasaran yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik KKR 2011-2012. Di samping itu, kita juga perlu menetapkan perancangan dan sasaran bagi tempoh 2013 – 2015. Seperti yang saya nyatakan di awal tadi, saya berharap agar segala perancangan yang kita lakukan perlu selari dengan hasrat kita untuk mentransformasi LLM menjadi sebuah organisasi yang cemerlang dan mencapai tahap yang ditetapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Sepertimana yang kita sedia maklum, pada 12 Januari 2012, YAB Perdana Menteri telah bersetuju agar Kerajaan membuat semakan semula ke atas Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA). Sehubungan itu, Pasukan Petugas telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Y.Bhg Tan Sri Ismail Adam, mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk menyemak semula prinsip-prinsip perkhidmatan dan saraan perkhidmatan awam. Pasukan Petugas ini akan mengadakan rundingan dengan pihak CUEPACS dan diberi tempoh dua (2) bulan sehingga 16 April 2012. Suka saya menyeru agar kita semua sabar menunggu perakuan daripada Pasukan Petugas Khas tersebut.

7. Suka juga saya mengingatkan kepada semua kakitangan tidak mengira kumpulan perkhidmatan bahawa SBPA menitik beratkan kepada budaya prestasi cemerlang. *Excess Luggage* kepada

perkhidmatan awam akan ditunjukkan jalan keluar menerusi Dasar Pemisah (Exit Policy). Ini membuktikan Kerajaan benar-benar serius dalam memastikan sasaran pembangunan negara tercapai menjelang tahun 2020 yang mana sebagai pelaksana kepada pembangunan negara, kita perlu sentiasa mengekalkan budaya kerja cemerlang.

8. Akhir kata, marilah kita semua memastikan agenda kecemerlangan Lembaga Lebuhraya Malaysia sentiasa diurus dengan efisien. Saya juga memohon agar semua warga kerja LLM dapat memperkuatkan tekad dan azam untuk bekerja dengan lebih gigih bagi menghasilkan output kerja yang cemerlang demi kemajuan organisasi. Seperti kata-kata Menteri Kerja Raya, ingatlah bahawa sebagai penjawat awam **"we are here to serve, not to be served"**.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum WBT